

Prosedur bagi mendapatkan Surat Kebenaran Menyembelih

1. Pemohon boleh datang ke Bahagian Penyelidikan untuk mengambil borang permohonan.
2. Setiap borang yang telah diisi hendaklah dikembalikan dan dilampirkan bersama:
 - i. Salinan pendaftaran syarikat.
 - ii. Salinan Kad Pengenalan.
 - iii. Bagi permohonan pembaharuan, hendaklah mengemukakan salinan Surat Kebenaran Menyembelih yang terakhir.
 - iv. Lain-lain surat sokongan.
 - v. Gambar berukuran pasport (3 Keping)
3. Bagi permohonan yang lengkap, pihak kami akan menghubungi pemohon untuk urusan temuduga, ujian bertulis serta praktikal penyembelihan.
4. Surat Kebenaran Menyembelih serta kad penyembelihan akan dikeluarkan bagi pemohon yang berjaya.
5. Permohonan pembaharuan hendaklah dibuat 2 bulan sebelum tarikh tamat Surat Kebenaran Menyembelih.

Syarat-syarat untuk mendapatkan kebenaran menyembelih adalah seperti berikut;

1. Bekerja dan mempunyai premis di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
2. Kebenaran penyembelih ini akan dikeluarkan kepada individu yang
 - bekerja secara tetap (sepanjang masa) sebagai penyembelih di rumah sembelihan komersial.
3. Permohonan tidak dibuka kepada pekerja sambilan, sementara atau orang awam.
4. Keutamaan permohonan diberikan kepada warganegara tempatan, manakala bagi penduduk tetap permohonan boleh dipertimbangkan.
5. Permohonan hendaklah dibuat melalui majikan dan perlu mempunyai
 - rumah /premis sembelihan tetap.
6. Calon-calon hendaklah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan sihat tubuh badan.
7. Calon-calon yang mempunyai latar belakang bekerja di bahagian pemprosesan rumah sembelihan dan tahap pendidikan agama Islam yang baik adalah wajar diberikan keutamaan oleh majikan.